

Selayang tenggelam lagi

Kerap alami banjir kilat, masalah akan dibawa dalam mesyuarat kerajaan negeri

**NORAFIZA JAAFAR & JANATUL
FIRDAUS YAACOB**

SELAYANG - Hujan lebat kurang dua jam bermula jam 2 petang semalam mengakibatkan beberapa kawasan sekitar sini dan Batu Caves dinaiki air.

Antara kawasan yang terlibat adalah Selayang Baru, Lembah Indah, Selayang Indah, Sri Selayang, Kampung Nakhoda, Laksamana dan Kampung Arab dengan jumlah penduduk di anggar 300 keluarga.

Di Jalan 30, Selayang Baru beberapa rumah penduduk berdekatan longkang monsun dimasuki air selepas kuantiti air dalam longkang naik melebihi dua meter.

Seorang penduduk, Mohd Khairul Nizam Muhammad, 35, berkata, sebahagian rumahnya dinaiki air namun sempat menyelamatkan barangannya akibat bertindak cepat.

"Selepas selesai menziarahi orang meninggal, saya dan isteri pulang sebentar ke rumah sebelum keluar semula untuk menyelesaikan urusan.

"Di pertengahan jalan, hati berasa tidak sedap lalu kembali semula ke rumah sebelum mendapati rumah dinaiki air," katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Katanya, sebelum ini dia telah memasang pengadang di bahagian dapur untuk menghalang air memasuki rumah namun semalam ketinggian air melepasi paras bongkah itu.

Kaji kawasan bermasalah

Sementara itu, Adun Taman Templer, Zaidy Talib berkata, pihaknya akan membawa permasalahan itu dalam mesyuarat kerajaan negeri memandangkan Selayang Baru antara kawasan yang kerap mengalami banjir kilat.

Selain itu menurutnya, beliau akan membuat perbincangan semula dengan pihak Jabatan Pengairan dan Saliran untuk proses bancian dan kajian aliran air.

"Sebelum sebarang peruntukan dikeluarkan, kita perlu mengkaji terlebih dahulu kawasan mana yang bermasalah dan naik taraf perlu bersesuaian dengan jumlah muatan serta kuantiti air," katanya.

Siapkan segera projek

Sementara di Batu Caves, dua punca utama dikenal pasti menyumbang kepada masalah kenaikan air setinggi semeter.

Masalahnya adalah disebabkan kelewatan menyiapkan projek *River Of Life* dan sistem culvert yang kecil gagal menampung kuantiti air.


Adun Batu Caves, Amiruddin Shari berkata, pihaknya meminta supaya projek yang sepatutnya dijadualkan siap pada Jun lalu disiapkan dalam kadar segera.

"Di peringkat kerajaan negeri kita telah membantu dan menyelesaikan sebahagian masalah termasuk isu tanah dan setinggan.

"Sekiranya perlu, menteri berkaitan perlu campur tangan dalam menyiapkan projek itu dalam kadar segera kerana mengganggu aliran air sehingga limpahan air memasuki rumah penduduk," katanya.

Dalam pada itu, orang ramai yang tinggal di kawasan berisiko banjir dinasihatkan untuk bersiap sedia menghadapi musim hujan dan banjir kilat yang sering melanda beberapa kawasan di negeri ini.

Penolong Pengarah Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul berkata, sekarang telah masuk fasa musim hujan dan penduduk yang tinggal di kawasan berisiko banjir bersedia dan peka dengan perkembangan cuaca.



Limpahan air memasuki jambatan yang digunakan penduduk Kampung Laksamana.



Zaidy (tengah) meninjau longkang monsun yang mulai surut selepas hujan berhenti.



Kelewatan menyiapkan projek River of Life dan sistem culvert kecil gagal tampung kuantiti air menjadi punca air naik setinggi semeter di Batu Caves.